

PENDIDIKAN GENERASI MELALUI PERIBAHASA FOKUS UTAMA: PERIBAHASA ARAB DAN MELAYU

Hj. Ahmad bin Ismail

Akademi Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Peribahasa dalam apa jua bahasa dan bangsa, adalah kata-kata ringkas, padat, sarat dengan pengertian, makna yang tersurat dan tersirat. Ia adalah garapan satu-satu masyarakat atau bangsa untuk menyatakan pengalaman, pemikiran, pemerhatian, peristiwa dan luahan hati yang cukup bernilai. Oleh itu, peninggalan khazana bangsa ini perlu diteliti, dihayati dan dipergunakan. Kertas ini akan memberi huraian tentang peranan dan kesesuaian peribahasa dalam mendidik generasi dengan meberi fokus utama kepada Peribahasa Arab dan Melayu. Tumpuan utama terarah kepada pendidikan agama, akhlak dan moral, samada dalam bentuk individual tau umum. Para ibu bapa, pendidik, dai'e dan masyarakat perlu menggunakan media peribahasa ini dengan secara yang berkesan dalam mendidik anak, pelajar, individu dan sesiapa sahaja yang dididik kerana keberkesanannya sangat efektif.

Kata Kunci : Peribahasa Arab, Peribahasa Melayu, Pendidikan Generasi

1. Pendahuluan

Peribahasa dalam apa jua bangsa dan bahasa pun adalah cerminan minda bangsa tersebut. Ia lahir daripengalaman, ilmu, pemerhatian kepada persekitaran sekeliling mereka. Ia diucapkan dalam bentuk yang ringkas, kemas dan berasas, menarik, sedap didengar dan mempunyai pengaruh yang mendalam dalam jiwa bangsa itu. Atas dasar ini, peribahasa akan diterima pakai oleh masyarakat bangsa itu dan diwarisi turun temurun dari generasi ke generasi.

Peribahasa diungkap untuk menyatakan perasaan dan tanggapan terhadap sesuatu peristiwa, keadaan, adat resam, kepercayaan dan semua gejala hidup dalam masyarakat. Dengan kata lain peribahasa adalah pati atau intisari kata-kata hikmat masyarakat berkenaan.

Orang-orang Arab sangat-sangat perihatin terhadap peribahasa semenjak zaman berzaman. Apa saja fenomena yang terjadi, di sana terdapat peribahasa yang diungkapkan. Oleh hal yang demikian, dirasakan amat perlu kita mengetahui peribahasa Arab samada menerusi komunikasi, pembacaan buku-buku lama dan moden, agar khazanah mereka yang kaya itu dapat kita hayati dalam menjana kefahaman dan memupuk rasa saling menghormati antara satu sama lain.

Bagi orang-orang Melayu pula, mereka juga telah mencipta peribahasa semenjak dahulu kala lagi. Sebelum mereka pandai menulis, mereka telah menggarap situasi yang mengelilingi mereka dengan peribahasa. Orang Melayu sebagai bangsa yang sangat penyantun, mereka menggunakan peribahasa untuk membuat teguran, nasihat, puji, sindiran dan pandangan, agar apa yang diucapkan itu tidak menjatuhkan maruah atau air muka individu yang berkenaan. Alam keliling yang melingkungi hidup mereka menjadi sumber ilham dan pencetus inspirasi yang sangat murni dalam melahirkan peribahasa mereka.

Yang Berhormat Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim dalam mukadimah buku **Peribahasa Melayu, Penelitian Makna & Nilai**, terbitan Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang 2011, ada mengungkapkan : "Peribahasa Melayu adalah khazanah bangsa Melayu yang memancarkan kehidupan dan ketinggian pemikiran bangsa Melayu dan juga aspek keindahan dalam berbahasa".

2. Jenis Peribahasa Arab Dan Melayu

Peribahasa Arab secara 'amnya dibahagikan kepada dua jenis iaitu al-amthal (الأمثال) dan al-hikam (الحكم). Kedua-dua jenis ini terungkap dalam pertuturan harian mereka, dalam buku tulisan mereka dan juga dalam kesusasteraan mereka.

Kitab Suci al-Quran dan al-Sunnah al-Nabawiyyah banyak mengungkapkan kedua-dua genre peribahasa ini bagi panduan manusia..)

Allah swt ada berfirman:

(...وَتَلَكَ الْأَمْثَالُ نَصِيرٌ بِهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ)

Maksudnya: "...*Dan perumpamaan-perumpamaan itu Kami buat untuk manusia supaya mereka berfikir*".(al-Hashr : 21)

Rasulullah saw ada bersabda:

عَنْ أَبِي مُوسَىٰ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ مَتَّنَ الْبَيْتِ الَّذِي يَذْكُرُ اللَّهُ فِيهِ وَالْبَيْتِ الَّذِي لَا يَذْكُرُ اللَّهُ فِيهِ مَثَنَ الْحَيِّ وَالْمَيِّتِ.

Bermaksud:Dari Abu Musa, dari Nabi SAW, beliau bersabda, "**Perumpamaan rumah** yang Allah disebut di dalamnya dan rumah yang Allah tidak disebut di dalamnya adalah seperti orang yang hidup dan orang yang mati". [HR. Muslim juz 1, hal. 539].

Nurulhanis Ibrahim (Fakulti Bahasa Dan Linguistik UM) dalam kajiannya (2013) menyenaraikan Peribahasa Arab dari sudut sumbernya dibahagikan kepada beberapa jenis:

(a) Peribahasa Daripada Peristiwa:

"وَاقِقَ شَنْ طَبَقَةَ"

Bermaksud "Syan serasi dengan Tabaqat". Peribahasa ini mengesah seorang lelaki bernama "Syan" bertemu dengan seorang wanita yang hilang bernama "Tabaqat", lalu wanita itu dikahwininya.

(b) Peribahasa Daripada Tasybih:

"أَجْوَدُ مِنْ حَاتِمَ"

Bermaksud "lebih pemurah daripada Hatim". Orang yang pemurah disamakan dengan Hatim, iaitu seorang yang sangat pemurah dalam masyarakat arab purba.

(c) Peribahasa Daripada kata-kata hikmat:

Zuhair bin Abi Sulma (Penyair di zaman jahiliyyah) dalam sebuah puisinya antara lain ada mengungkapkan:

رَأَيْتَ الْمَنَائِيَا خَبْطَ عَشْوَاءَ مَنْ تُصِبُّ ثُمَّةَ وَمَنْ تُخْطِئُ يُعَذَّرُ فَيَهُمْ

Bermaksud : Aku lihat kematian itu bak untuk betina yang buta yang berjalan tanpa panduan, sesiapa yang dirempuhnya akan mati dan sesiapa yang terlepas dari rempuhannya akan dipanjangkan umurnya sampai ke tua.

(d) Peribahasa Daripada Syair

Abu al-'Ala' ada menyairkan:

أَصْوْلٌ قَدْ بُنِيَّ عَلَى فَسَادٍ وَتَقْوَى اللَّهُ سُوقٌ لَا تَبُورُ

Membawa erti : Ada banyak prinsip yang dibina atas kerosakan, di mana taqwa kepada Allah merupakan perdagangan yang tidak akan rugi.

(e) Peribahasa Daripada al-Quran dan al-Hadith

Allah swt ada berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 26:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحِي أَنْ يَضْرِبَ مَثَلًا مَا بَعْوَذَةً فَمَا فَوْقَهَا فَمَّا آمَنُوا فَيُغْرِيَهُمُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَمَمَا الَّذِينَ كَفَرُوا فَيَقُولُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهِمْ إِنَّمَا مَثَلًا يُضْلِلُ بِهِ كَثِيرًا وَيَهْدِي بِهِ كَثِيرًا وَمَا يُضْلِلُ بِهِ إِلَّا الْفَاسِقِينَ

Sesungguhnya Allah tiada segan membuat perumpamaan berupa nyamuk atau yang lebih rendah dari itu . Adapun orang-orang yang beriman, maka mereka yakin bahwa perumpamaan itu benar dari Tuhan mereka, tetapi mereka yang kafir mengatakan : "Apakah maksud Allah menjadikan ini untuk perumpamaan?." Dengan perumpamaan itu banyak orang yang disesatkan Allah , dan dengan perumpamaan itu (pula) banyak orang yang diberi-Nya petunjuk. Dan tidak ada yang disesatkan Allah kecuali orang-orang yang fasik," (al-Baqarah: 26)

Baginda Rasulullah saw dalam sabda-sabda baginda banyak mengungkapkan peribahasa agar apa yang baginda ucapkan itu mudah dimengertikan dalam melekat dalam hati ummah. Sebagai contoh:

لَا يُلْدُغُ الْمُؤْمِنُ مِنْ جُحْرٍ وَاحِدٍ مَرَّتَيْنِ

"Seorang yang beriman tidak terperosok di satu lubang yang sama dua kali"[\[HR. Bukhari dan Muslim\]](#).

Manakala Peribahasa Melayu pula, ia juga berbagai-bagai jenis yang diutarakan oleh tokoh, pengkaji dan penggiat bahasa Melayu. Mereka hampir sekata bawa Peribahasa Melayu terdiri dari lima komponen utama, iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan, pepatah dan kata-kata hikmat. (lihat: Peribahasa Melayu Penelitian Makna & Nilai, Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan – UPM Serdang, 2011).

Contoh Peribahasa Melayu:

Jenis Peribahasa	Contoh
1. Simpulan Bahasa.	Bangkai bernyawa.
2. Perumpamaan.	Bagaikan telur di hujung tanduk.
3. Bidalan.	Tepuk dada tanya selera.
4. Pepatah.	Bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat.
5. Kata-kata hikmat.	Pandu cermat jiwa selamat.

3. Pendidikan Generasi

Pendidikan merupakan elemen yang sangat penting bagi membangunkan dan memajukan negara dan generasi. Tamadun-tamadun yang besar terdahulu telah dibina dengan kemajuan pendidikan yang luar biasa. Tamadun Rom, Parsi, China, India dan Islam adalah tamadun yang maju dalam pelbagai aspek kehidupan.

Tamadun-tamadun warisan itu berkekalan dari satu generasi ke satu generasi melalui pendidikan yang diberikan kepada mereka. Ada juga temadun-temadun dahulu yang telah berkubur kerana tidak diberi penekanan kepada pendidikan generasi.

Dalam temadun Islam, perkara pertama yang diwahyukan oleh Allah swt kepada Nabi Muhammad saw adala "*iqra'*" yang bermaksud **bacalah**. Semacam Allah swt hendak menyatakan kepada hambaNya bahawa ilmu dan temadun semestinya dipelihara dan diperolehi menerusi proses pembelajaran yang terancang.

Dalam dunia moden dan global hari ini kita lihat di persada dunia Jepun dan German adalah dua buah negara yang sangat terkenal dengan pelbagai jenis rekaan dan produk berkualiti bertaraf dunia. Perkara ini tercerna kerana sistem pendidikan kedua-dua buah negara itu menekankan kepada penguasaan ilmu dan teknologi. Elemen ini terbukti mampu memacu pembangunan negara dalam tempoh yang singkat.

Berbalik kepada negara kita sendiri, Malaysia disasarkan akan mencapai status negara maju pada tahun 2020. Jangka masa ini sudah terlalu dekat menghampiri kita. Merealisasikan Wawasan 2020 adalah suatu tugas yang penuh kebertanggungjawaban di atas bahu semua pihak khususnya peneraju pendidikan negara. Maka pendidikan perlu terarah kepada membentuk modal insan yang bertanggungjawab menggalas peranan dalam sebuah negara maju agar dapat duduk dalam saf yang sama dengan negara-negara maju lain. Membangun sebuah negara maju akan tersasar jika pendidikan terabai termasuklah juga pendidikan bahasa negara itu, kerana bahasa adalah cermin bangsa. Kemajuan intelektual, spiritual dan material adalah prasyarat menjana sebuah negara maju yang berdaulat.

4. Peranan Peribahasa Dalam Pendidikan

Memandangkan peribahasa adalah hasil daripada pengalaman dan pengamatan alam sekeliling yang teliti yang sarat dengan pengajaran yang positif, maka sewajarnyalah ia diajar kepada semua lapisan masyarakat samada menerusi pendidikan formal dan informal.

فَالْحُجَّةُ فِي الْمُقْرَنِ
Dalam surat akhabar harian Arab Saudi Arabia الرِّيَاضِ bilangan 15972, 17 Mac 2012
الشَّرَاعُخُ
ada menuslis :

وَيَعْدُ الْمَثَلُ مَادَةً خَصِيبَةً لِدِرَاسَاتِ مُتَعَدِّدةِ الْجُوانِبِ سَوَاءً اِجْتِمَاعِيَّةً وَاِقْتَصَادِيَّةً، اَوْ فِي التَّعَامِلَاتِ الْيَوْمَيَّةِ مَعَ الْآخَرِينَ، وَلَقَدْ حَرَصَ الْعَدِيدُ مِنَ الْبَاحِثِيْنَ عَلَى جَمْعِ هَذِهِ الثَّرَوَةِ، لِتَكُونَ فِي مَتَّالِقِيْ وَالْبَاحِثِ الَّذِي يَرِيدُ أَنْ يَطْلُعَ عَلَى تِرَاثِ آبَائِهِ وَأَجَادَاهُ، وَخَلْجَاتِ نَفْسِهِمْ وَمَا يَرْجُونَهُ وَمَا يَخَافُونَهُ، وَكَيْفَ يَتَعَالَمُ مَعَ الْأَعْدَاءِ، وَكَيْفَ يَتَعَالَمُ مَعَ الْأَصْدِقَاءِ.
Bermaksud : Peribahasa dianggap sebagai satu bahan yang baik untuk kajian dalam berbagai sudut, samada kemasyarakatan dan perekonomian atau hubungan harian dengan orang lain. Ramai pengkaji yang berusaha mengumpul khazanah ini agar sampai kepada penerima dan pengkaji yang berhasrat untuk mengetahui warisan datuk nenek mereka, apa yang terdetik dalam hati mereka, apa yang mereka harap dan apa yang mereka bimbangkan, dan bagaimana cara mereka berurusan dengan musuh dan rakan.

Dari rencana ini kita dapat lihat betapa peribahasa itu perlu disampaikan kepada generasi dengan menerusi media pendikan langsung atau tidak langsung. (alriyadh.com/719014).

د/أحمد سيد آل برجل (والأمثال والأشعار الحكم من الأجيال تربية) tulisan ada menyatakan:

هذا الأمثال تحافظ على أصالة المجتمع و هويته ، و تسمى في تربية الأجيال القادة ، فالمثل يعرف بأنه ((قول موجز ذو معنى ومدلول خاص ، تعارف الناس على دلالته و شيوعيه ضمنا في الواقع الحياتية المتكررة في حياتهم)) .

Peribahasa memelihara keaslian masyarakat dan identitinya, ia sentiasa tersedia untuk mendidik generasi mendatang, Peribahasa ditakrifkan sebagai kata-kata yang ringkas yang punya makna tertentu, manusia memahami menerusi maksud dan kemasyhurannya kandungan tentang kehidupan mereka yang berulang-ulang.

Dari takrifan di atas jelas kepada kita peranan peribahasa dalam pendidikan di samping ia dicipta dalam bentuk seni pengucapan yang indah dan mengatasi pengucapan biasa. Kepelbagaiannya (politik, kemasyarakatan, tingkahlaku, perekonomian) memberi saham yang besar dalam pendidikan.

Peribahasa Melayu mempunyai cirri-ciri berikut yang sangat sesuai diterapkan dalam pendidikan:

- Segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama.
- Sebutannya sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya.
- Dipakaiakan dia jadi sebutan-sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan dan pengajaran.
- Peribahasa memainkan peranan yang penting dalam masyarakat di negara kita terutamanya di kalangan orang-orang Melayu.
- Peribahasa digunakan untuk menyampaikan sesuatu nasihat, teguran, atau ingatan secara kiasan atau sindiran.

Justeru itu wajar beberapa elemen positif diberikan penekanan dalam melestarikan pengajaran dan pembelajaran peribahasa. Antaranya:

- Simpulan bahasa juga seharusnya diberi perhatian yang wajar dalam penulisan dan penuturan.
- Corak pengajaran simpulan bahasa pula bukan sekadar menghafal tetapi harus diajar untuk menikmati dan menggunakan secara meluas dalam kehidupan harian mereka.
- Bertepatan dengan fungsi bahasa dalam masyarakat, maka wajarlah pengajaran peribahasa di sekolah dipertingkatkan.
- Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, guru sering menggunakan pelbagai kaedah, antaranya komunikasi dua hala.
- Penggunaan peribahasa di dalam ayat pertuturan mampu membantu murid memahami maksud percakapan yang disampaikan dengan mudah serta menghasilkan ayat yang gramatis dan menarik.
- Pengajaran peribahasa juga dapat membantu murid-murid dalam membentuk jati diri bangsa yang memiliki serta mengamalkan nilai-nilai murni.
- Berasaskan peribahasa, murid dapat menjaga tingkah laku serta disiplin yang baik ketika berada di sekolah dan di luar sekolah.
- Pengajaran peribahasa bukan sahaja berguna untuk kemahiran bahasa tetapi mempertajam rasa sehingga karangan menjadi indah dan bermutu.
- Peribahasa, simpulan bahasa, perumpamaan dan kata-kata hikmah mempunyai ciri-ciri yang unik.
- Peribahasa memancarkan keistimewaan apabila maksud pengajaran nasihat dan teguran dapat disampaikan dengan pendekatan yang halus dan tidak menyinggung perasaan.

(Wan Mohd Affendy <http://wanmohdaffendy.blogspot.com/2013>)

5. Contoh Peribahasa Dalam Pendidikan

Orang Arab dan Melayu memiliki khazanah peribahasa yang kaya dengan elemen-elemen yang boleh digunakan untuk mendidik generasi. Tulisan ini sekadar membawa beberapa contoh sahaja.

Peribahasa Arab Berunsur Pendidikan

PERIBAHASA*	MAKSUD	NILAI DIDIKAN
إِنَّمَا يَخْشَىُ اللَّهُ مِنْ عِبَادِ الْعُلَمَاءِ (فاطر 28)	Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya, hanyalah ulama.	Takut kepada Allah (positif)
قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ (ر) أَفْضَلُ الْجَهَادِ مِنْ بَنَى مسجداً فَعَلَمَ فِيهِ الْقُرْآنَ وَالْفِقْهَ وَالسُّنْنَةَ	Sebaik-jihad sesiapa yang membina masjid kemudian mengajar di dalamnya al-Quran, Fekan dan Sunnah	Membina masji (positif)
آمُنْ مِنْ حَمَامٍ مَكَةَ وَآمُنْ مِنْ ظَبِّ بِالْحَرَمِ	Lebih aman dari merpati di Mekah dan lebih aman dari kijang di Tanah Haram	Keamanan (positif)
أَبْيَنْ مِنْ فَقْرِ الصُّبْحِ	Lebih terang darai fajar subuh	Kejelasan (positif)
أَمْطَلُ مِنْ عَرَبِ	Lebih tertangguh dari Aqrab	Berangguh-tangguh (negatif)
أَنْقُنْ مِنْ نَهْلَانِ	Lebih berat dari Gunung Sahlan	Keteguhan (positif)
أَجْرَأَ مِنْ دَبَابِ	Lebih berani dari lalat	Keberanian (positif)
أَحْمَقُ مِنْ جُحَّا	Lebih bodoh dari Juha	Kebodohan (negatif)
أَحْكَمُ مِنْ لَقَمانَ	Lebih bijak dari Lokman	Kebijaksanaan (positif)
أَخْسَرُ مِنْ حَمَالَةَ الْحَاطِبِ	Lebih rugi dari pembawa kayu api (Isteri Abu Lahab)	Kerugian (negatif)
أَذْلُّ مِنْ حُنَيْفَ	Lebih tahu dari Hunaif	Banyak pengalaman (positif)
أَذْلُّ مِنْ حِمَارٍ مُقَدَّ	Lebih hina dari kaldai bertambat	Kehinaan (negatif)
أَرْمَى مِنْ ابْنِ تَقْنِ	Lebih pandai memanah dari Ibn Tiqn	Kepandaian dan ketepatan (positif)
أَزْهَى مِنْ غَرَابِ	Lebih bongkak dari gagak	Bongkak (negatif)
أَسْبَحَ مِنْ نُونِ	Lebih pandai berenang dari ikan Nun	Kepandaian/kemahiran (positif)
أَشَأَمُ مِنْ ذَاحِسِ	Lebih pesimis dari Dahis (kuda)	Pesimis (negatif)
أَصْفَى مِنْ الْمَاءِ	Lebih jernih dari air	Jelas (positif)
أَضْوَأُ مِنْ ابْنِ ذَكَاءِ	Lebih terang dari subuh	Terang dan jelas (positif)
أَطْوَلُ ذَمَاءً مِنَ الضَّبِّ	Lebih tahan dari dhab	Ketahanan (positif)
أَظْلَمُ مِنْ حَيَّةِ	Lebih zalim dari ular	Kezaliman (negatif)
أَعْجَزُ مِنْ جَانِي عَنْبِ مِنَ الشَّوَّافِ	Lebih lemah dari pengutip anggur dari terkena duri	Kelemahan (negative)
أَغْزَلَ مِنْ عَنْكِبَوتِ	Lebih bijak membuat sarang dari labah-labah	Kepintaran (positif)
أَفْسَدُ مِنَ الْجَرَادِ	Lebih merosakkan dari belalang	Membuat kerosakan (negatif)

Catatan: Peribahasa 1 dan 2 di atas dari al-Quran dan Hadis Rasulullah saw. Manakala yang selepas dipetik dari buku **الدرة الفاخرة في الأمثال السائرة للإمام حمزة بن الحسن الأصفهاني تحقيق عبد المجيد (الجزء الأول)** - قطامش

Peribahasa Berunsur Pendidikan dalam Buku Teks Tingkatan Empat dan Lima (Spm)*:

PERIBAHASA	NILAI DIDIKAN
Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat	Semangat muafakat (positif)
Darah daging	Kekeluargaan/keturunan (positif)
Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing	Kerjasama (positif)
Meninggi diri	Sombong (negatif)
Bermuka dua	Tidak jujur (negatif)
Baik hati	Penyayang (positif)
Tulang belakang	Punca kekuatan (positif)
Bara yang digenggam biar sampai jadi arang	Kesungguhan dan keazaman (positif)
Bagai kaca terhempas ke batu	Kecewa (negatif)
Melentur buluh biarlah dari rebungnya	Pendidikan awal (positif)
Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi	Persahabatan (positif)
Seperti lembu dicucuk hidung	Kebodohan (negatif)
Dayung sudah di tangan, perahu sudah di air	Ransangan (positif)
Terang hati	Kepandaian (positif)
Rendah hati	Tidak sompong (positif)
Murah hati	Pemurah (positif)
Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas	Keutuhan (positif)
Tangan kosong	Kehampaan (negatif)
Llintah darat	Mengambil untung secara melampau (negetif)
Bagai aur dengan tebing	Tolong menolong (positif)
Anak dagang	Orang luar (positif dan negetif)
Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri	Nasionalisma (positif)
Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai	Berhati-hati (positif)
Indah khabar daripada rupa	Dilebih-lebihkan (positif/negatif)
Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicicah	Samarata/adil (positif)
Bukit sama didaki, lurah sama dituruni	Kebersamaan (positif)
Kacang lupakan kulit	Tidak mengenang budi (negatif)
Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung	Kepatuhan/kesetiaan (positif)
Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak	Penyesuaian (positif)
Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua	Semuafakat/kesetiaan (positif)
memerah otak	Kesungguhan (positif)
Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya	Berusaha/bersusah payah (positif)
Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-	Bersusah payah untuk kesenangan (positif)

senang kemudian	
Yang bulat tidak datang menggolek, yang pipih tidak datang melayang	Keperluan berusaha (positif)
Sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit	Kesabaran (positif)
Bak cendawan tumbuh selepas hujan	Tersangat banyak (positif/negatif)
Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat	Kemuafakatan (positif)
Yang kita kejar tak dapat, yang kita kendong pula berciciran	Nasib malang (negatif)
Mencari jalan	Berikhtiar (positif/negatif)
Biar mati anak, jangan mati adat	Ketahanan (positif/negatif)
Sediakan payung sebelum hujan	Bersedia (positif)
Berbesar hati	Kegembiraan (positif)
Anak buah	Kekeluargaan/kebersamaan (positif)
Tuan rumah	Penghormatan (positif)
Yang lama dikelek, yang baharu didukung	Kesetiaan (positif)
Batu penghalang	Halangan (positif/negatif)
Untung anak lelaki cari-carikan, untung anak perempuan nanti-nantikan	Nasib (positif)
Bagai ikan pulang ke lubuk	Kembali/kesenangan (positif)

*Catatan: Peribahasa di atas dikumpulkan oleh Rossa Calia (<http://rossacalla.blogspot.com/2014/09/Nilai Didikan oleh pengkaji sendiri>).

Kesimpulan senarai di atas: samada nilai pendidikan (positif atau negatif) yang terdapat dalam senarai peribahasa di atas, namun kedua-duanya perlu disampaikan untuk tujuan dilakukan atau dijauhkan).

6. Penutup

Unsur-unsur pendidikan memang banyak tersurat dalam Peribahasa Arab dan Melayu. Pengkaji hanya menyenaraikan beberapa contoh sahaja. Ternyata pengetahuan dan kefahaman tentang peribahasa akan banyak member pedoman hidup kepada masyarakat dan perlu dilestarikan peribahasa itu untuk generasi akan datang. Dari sudut pembelajaran bahasa, peribahasa akan dapat membantu penguasaan bahasa yang dipelajari dengan lebih mudah. Oleh itu peribahasa sangat penting digunakan oleh pendidik masyarakat dalam pembentukan syahsiah orang yang dididik.

Bacaan dan Rujukan

1. **Peribahasa Melayu, Penelitian Makna & Nilai**, terbitan Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang 2011.
2. Nurhanis Ibrahim, **Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu ke Bahasa Arab**, Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013.
3. الدرة الفاخرة في الأمثال السائرة للإمام حمزة بن الحسن الأصفهاني تحقيق عبد المجيد قطامش – الجزء الأول. القاهرة دار المعارف
4. Akhbar harian Saudi Arabia الرياض bilangan 15972, 17 Mac 2012.

(alriyadh.com/719014).

5. Wan Mohd Affendy<http://wanmohdaffendy.blogspot.com/2013>).

6.<http://rossacalla.blogspot.com/2014/09>>